



Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3

Tarikh: 27 Januari 2025

**SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 4/2025**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


**PEMAKLUMAN SEMULA MENGENAI PERATURAN KHAS BERKAITAN PEMBUKAAN AKAUN BANK**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 10/2009 Peraturan Khas Berkaitan Pembukaan Akaun Bank bertarikh 07 Ogos 2009, semua entiti di bawah UKM seperti Fakulti/ Pusat/ Institut/ Jabatan/ Bahagian tidak dibenarkan membuka akaun bank tanpa kebenaran pihak Bendahari terlebih dahulu. Sekiranya ada keperluan untuk membuka akaun bank, permohonan bertulis perlu dikemukakan berserta justifikasi bagi menyokong pembukaan akaun bank tersebut.

3. Walau bagaimanapun, pemerhatian dan pemantauan Jabatan Bendahari mendapati masih terdapat dikalangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mengendalikan hasil dan perbelanjaan menerusi wang yang diakaunkan dalam bank secara tidak sah, iaitu tanpa kelulusan Bendahari. Keadaan ini menjurus kepada berlakunya aktiviti di luar kawalan pihak Universiti seperti aktiviti pelaburan saham yang berisiko tinggi, penggunaan perisian/ peranti yang mengancam keselamatan, kecurigaan dikalangan PTJ lain, kelalaian staf terhadap rutin dan tanggungjawab utama dan pelbagai lagi risiko lain.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari ingin mengingatkan semula penguatkuasaan peraturan ini agar semua warga Universiti cakna dengan peraturan yang digariskan. PTJ adalah digalakkan menjana pendapatan bagi merencanakan aktiviti Universiti, namun perlu seiring dengan pematuhan peraturan sedia ada. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2009




Peraturan Khas Berkaitan Pembukaan Akaun Bank bertarikh 07 Ogos 2009 untuk rujukan YBhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

5. Sukacita kiranya YBhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“KEKAL BERINTEGRITI”**

Yang benar,



**MOHD AZLI MOHD KASIRUN** c.A(M)  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
  - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pendaftar, UKM
  - Ketua Pustakawan. UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4440 Faks: +603-8921 3058 E-mel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)